


## Literasi Maklumat @ UniMAP

Diselaraskan oleh Md Nizam Aziz

EndNote Kini di UniMAP




Perpustakaan UniMAP telah memperolehi perisian bibliografik EndNote versi X pada November 2006. EndNote merupakan antara perisian pengurusan bibliografik yang menjadi pilihan selain Refworks, ProCite dan Reference Manager. Melalui penggunaan EndNote, kerja-kerja mengumpul, mendapatkan dan menghasilkan senarai rujukan menjadi lebih mudah.

**Bagaimana EndNote membantu memudahkan tugas penghasilan senarai rujukan atau bibliografi yang kebiasaannya sukar?** Apa tidaknya, penyediaan senarai bibliografi memerlukan anda mematuhi cara gaya atau teknik penulisan yang berbeza bagi setiap jenis bahan yang dirujuk. Mereka yang menyediakan senarai rujukan tanpa aplikasi EndNote tentu memahami kesukaran menempatkan tanda baca dan aturan maklumat mengikut stail penulisan yang ditetapkan.

EndNote menawarkan lebih daripada 2,500 stail penulisan merangkumi *American Psychological Association (APA), Communications ACM, Coastal Engineering dan Optical Engineering*. Para pengguna boleh memilih stail penulisan hanya dengan sekali klik sahaja. EndNote juga mesra pengguna kepada mereka yang ingin menyediakan input butiran bibliografik secara manual. Anda hanya perlu memilih jenis atau format bahan seperti buku, bab dalam buku, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, filem, artikel akhbar dan program komputer. Medan-medan khusus dipamerkan untuk kerja-kerja input data. Selainnya, EndNote akan melaksanakan tugas-tugas penyediaan senarai rujukan yang mematuhi format stail penulisan.

Kehebatan EndNote terletak kepada *features* muat turun bibliografi sekiranya anda menggunakan pangkalan data atas talian seperti *Science Direct, EBSCOHost, SpringerLink, ACM Digital Library* dan *IEEE Explore*. Kaedah muat turun mungkin berbeza antara satu



pangkalan data dengan pangkalan data yang lain. Namun begitu, jangan bimbang kerana Unit Rujukan dan Runding Maklumat akan membantu anda dengan panduan yang mudah. Selamat mengguna dan memanfaatkan EndNote.

### Sambutan Bengkel EndNote Menggalakkan!


Semenjak ditawarkan pada Januari 2007, Bengkel Penggunaan EndNote mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar dan staf akademik. Sehingga April 2007, 50 peserta telah mengikuti Bengkel EndNote. Kandungan bengkel meliputi aspek berikut:

- Menghasil dan menyusun senarai rujukan
- Mengumpul senarai rujukan dari pelbagai sumber seperti katalog atas talian, pangkalan data atas talian dan lain-lain
- Menyusun senarai rujukan mengikut pilihan stail atau format penulisan

Bengkel EndNote diadakan di Bilik Pembelajaran Berbantuan Komputer (Bilik CAI) yang menawarkan 19 unit komputer untuk sesi *hands-on*. Mereka yang berminat untuk mengenali, mengetahui dan mendalami kaedah penggunaan EndNote boleh menghubungi Unit Runding Maklumat di talian (04) 979 8133 atau e-mel: [rujukan@unimap.edu.my](mailto:rujukan@unimap.edu.my).

### Sesi Research Focus Untuk Pensyarah Pusat Kejuruteraan Bahan Dan Bioproses

Sebagai salah satu cabaran jelajah pusat pengajian, Unit Runding Maklumat menganjurkan sesi *Research Focus* untuk pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Bioproses. Sesi tersebut menyediakan taklimat dan garis panduan mengenai pemilihan sumber secara berkesan, kaedah mengesan dan mendapatkan maklumat serta teknik-teknik memperolehi bahan penulisan ilmiah dari sumber bukan langganan perpustakaan. Selain mendapat sambutan menggalakkan, perpustakaan mendapat idea dan maklum balas membina daripada para pensyarah mengenai penggunaan dan capaian kepada sumber maklumat elektronik.






# EZProxy EZProxy EZProxy EZProxy EZProxy

## Bagaimana EZProxy Membantu Anda?



Perpustakaan melanggan kepada 10 pangkalan data atas talian yang menawarkan capaian kepada berjuta-juta dokumen teks penuh untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna. Sehingga Januari 2007, pengguna hanya berupaya mengakses pangkalan data ini melalui rangkaian kampus sahaja. Ini memandangkan bahawa pihak pembekal hanya membenarkan capaian melalui julat IP rangkaian kampus yang didaftarkan sahaja. Mulai Februari 2007, aplikasi **EZProxy** memungkinkan anda mencapai maklumat teks penuh daripada pelbagai lokasi di dalam dan luar negara, tanpa batasan masa. Capaian maklumat dibuat melalui pelayan **EZProxy** dan para pengguna hanya perlu memperkenalkan diri melalui kata nama dan kata laluan.



**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS PERPUSTAKAAN**

**MEMBER LOGIN**

**INFORMATION**  
If you require help from the help desk, please contact us at [libhelp@umal.edu.my](mailto:libhelp@umal.edu.my) or write to us at [libhelp@umal.edu.my](mailto:libhelp@umal.edu.my) or visit our website at [www.umal.edu.my](http://www.umal.edu.my) for more information on our services and facilities.

Please enter your username:   
Please enter your password:

[Login](#)

**FOR LOGIN GUIDE TO:**

Username: Your username e-mail  
Password: Your complete IC number

**Example 1:**  
A user with e-mail address [usman@umal.edu.my](mailto:usman@umal.edu.my) and IC number 74002357000  
**Login Example**  
Username: usman@u  
Password: 74002357000

**Example 2:**  
A student with e-mail address [1000123456789@umal.edu.my](mailto:1000123456789@umal.edu.my) and IC number 62000020000  
**Login Example**  
Username: 1000123456789  
Password: 62000020000

If you experienced any problem, please e-mail to [libhelp@umal.edu.my](mailto:libhelp@umal.edu.my) / [libhelp@umal.edu.my](mailto:libhelp@umal.edu.my)

Copyright © 2007 Library of UMALISA. All rights reserved.

EZProxy